

UCAPAN OLEH: DATO' SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD
(PERDANA MENTERI)

UPACARA: PERHIMPUNAN BELIA ANTARABANGSA

TEMPAT: STADIUM NEGARA, KUALA LUMPUR

TARIKH: 15 MAY 1985

MASA:

Yang Berhormat Datuk Dr. Sulaiman bin Haji
Daud,
Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan;
Yang Berbahagia Pengerusi Jawatankuasa
Hari dan Minggu Belia;
Yang Berbahagia Presiden,
Majlis Belia Malaysia dan Ahli-Ahli
EXCONya;
Dif-Dif Kehormat;
Saudara-saudari sekalian.

Kita bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wataala kerana dengan limpah kurniaNya dapat kita bersama-sama di upacara yang sangat bermakna bukan sahaja bagi belia negara ini, tetapi juga peserta dari negara-negara luar. Saya mengucapkan terima kasih kepada Majlis Belia Malaysia dan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan kerana menjemput saya untuk merasmikan Hari Belia Antarabangsa 1985 ini.

2. Adalah sangat wajar Majlis Belia Malaysia dan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan memilih tema perayaan Hari dan Minggu Belia tahun ini supaya sama dengan tema Tahun Belia Antarabangsa, iaitu 'Penyertaan, Pembangunan, Perdamaian'. Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu telah mengisytiharkan tahun 1985 sebagai Tahun Belia Antarabangsa atas dasar memahami betapa pentingnya masyarakat belia diberi pengiktirafan yang sewajarnya dan diberi peluang untuk menyertai secara langsung dalam menyelesaikan isu-isu yang penting yang dihadapi oleh belia di negara masing-masing. Kerajaan Malaysia memang memberi pandangan yang sangat berat terhadap kegiatan-kegiatan belia serta perkembangannya. Dengan adanya penyertaan belia yang gigih dan dedikasi, usaha Kerajaan untuk membangunkan kaum belia serta mengatasi masalah-masalahnya akan menjadi lebih berkesan lagi.

3. Saya difahamkan bahawa di antara projek utama yang akan dilaksanakan oleh Majlis Belia Malaysia dan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan ialah kempen secara besar-besaran untuk memperbanyakkan bilangan ahli persatuan belia. Ini dianggap penting kerana tanpa penyertaan yang aktif kita tidak akan dapat menghindarkan penglibatan belia

dalam berbagai gejala yang tidak sihat. Walau bagaimanapun adalah tidak memadai kita berusaha untuk meramaikan ahli sahaja tanpa dapat mengekalkan keahlian mereka. Adalah diharapkan bahawa persatuan-persatuan belia di peringkat kebangsaan, negeri, daerah dan kampung dapat bergerak dengan daya usaha sendiri tanpa terlalu sangat bergantung kepada bantuan orang ramai atau Kerajaan. Kegiatan belia hendaklah diasaskan kepada kemampuan mereka. Jika rancangan yang dibuat itu munasabah, pembiayaan yang tinggi tidak diperlukan. Sekarang ini terdapat terlalu banyak pungutan derma sehingga untuk menghiburkan diri sendiri pun diharap para dermawan mengeluarkan derma. Badan-badan sukarela kerap mengadakan majlis jamuan di hotel-hotel besar untuk mengutip derma. Oleh kerana jamuan itu diadakan di tempat-tempat yang terkemuka, belanja jamuan sudah tentunya tinggi dan banyak wang terpaksa digunakan untuk membayar kos mengadakan jamuan itu. Sebenarnya duit derma hendaklah digunakan sepenuhnya untuk kerja-kerja amal. Persatuan belia hendaklah mengasingkan diri daripada kegiatan meminta-minta tanpa berusaha sendiri terlebih dahulu.

4. Pembangunan merupakan salah satu tema Tahun Belia Antarabangsa. Tenaga belia adalah salah satu sumber yang penting bagi pembangunan negara. Di negara kita lebih kurang 76% penduduknya adalah di bawah umur 35 tahun. Oleh hal yang demikian, pembinaan belia secara sistematik di negara ini sangatlah penting bagi memperolehi kehasilan yang maksima untuk pembangunan negara. Pembinaan belia juga seharusnya berasaskan prinsip yang kukuh. Di sini saya suka menyentuh sedikit beberapa prinsip yang terpenting bagi menjamin pembinaan belia yang kita ingini. Pemimpin-pemimpin belia semestinya mempunyai sifat-sifat kepemimpinan yang matang serta mampu menggalakkan penyertaan yang aktif daripada ahli persatuan dalam usaha pembangunan negara. Belia-belie hendaklah sentiasa mengamalkan prinsip-prinsip Rukunegara supaya negara dapat membangun dalam suasana yang harmoni. Mereka hendaklah juga sentiasa berusaha meninggikan taraf keilmuan supaya dengan ilmu pengetahuan yang cukup akan dapat menyumbangkan tenaga yang lebih berkesan kepada pergerakan belia tanahair dan seterusnya antarabangsa. Memandangkan bahawa maju mundurnya sesebuah negara bergantung kepada sistem nilai yang diamalkan, Belia Malaysia hendaklah menentukan bahawa nilai-nilai yang baik seperti kerajinan, disiplin, keikhlasan, kejujuran dan kebersihan menjadi sebahagian daripada nilai-nilai yang menggerakkan mereka.

5. Para belia tidak harus berpuas hati dengan pencapaian setakat ini kerana belia serta negara masih lagi menghadapi bermacam-macam masalah. Di antaranya ialah merebaknya penyalah-gunaan dadah di kalangan belia. Dadah adalah malapetaka yang mesti diperangi oleh kita semua secara habis-habisan. Penagih-penagih menjadi beban bukan sahaja kepada keluarga mereka tetapi juga kepada masyarakat dan negara. Jikalau tidak diberhentikan dengan cepat, penyalah-gunaan dadah akan membawa maut sebelum belia yang terlibat mengenal hidup dewasa. Tindakan yang positif

mestilah diambil oleh persatuan-persatuan belia dengan mempelbagaikan kegiatan persatuan supaya minat kepada persatuan serta aktiviti mereka dapat menghindarkan muda-mudi daripada tercebur dengan penyalah-gunaan dan jenayah dadah. Kita hendaklah lebih menitik-beratkan langkah-langkah pencegahan daripada langkah-langkah penguatkuasaan serta pemulihan dan daripada segi ini, para belia boleh memainkan peranan yang berkesan dengan menjadikan persatuan-persatuan mereka tempat bagi mendorong belia-belia menikmati aktiviti-aktiviti yang sihat dan berfaedah.

Saudara-saudari sekalian,

6. Satu lagi cabaran besar yang dihadapi oleh kita semua ialah untuk meningkatkan lagi perpaduan dan persefahaman di kalangan masyarakat majmuk Malaysia ini. Tugas ini memanglah berat, tetapi matlamat ini boleh dicapai sekiranya setiap rakyat memberikan sumbangan yang ikhlas dan bersungguh-sungguh. Dasar-dasar Kerajaan seperti Dasar Ekonomi Baru, Dasar Pelajaran Kebangsaan dan Dasar Kebudayaan Kebangsaan merupakan beberapa dasar pokok yang bertujuan membentuk satu identiti Malaysia. Dalam hal ini adalah wajar bagi belia daripada semua kaum di negara ini mengadakan berbagai aktiviti bersama. Ini perlu kerana persatuan belia sungguhpun syarat keahliannya terbuka kepada semua kaum, adalah mengikut majoriti terdiri daripada satu-satu kaum. Ada beberapa persatuan belia yang keahliannya dikhususkan untuk kaum-kaum yang khusus sahaja. Untuk memupuk semangat persaudaraan dan persefahaman di antara kaum, adalah wajar bahawa usaha-usaha yang lebih dijalankan supaya belia-belia kita dapat bercampur gaul dan beramah mesra dengan lebih meluas lagi. Amalan-amalan yang boleh memisahkan belia kita hendaklah diberhentikan dengan segera.

Saudara-saudari sekalian,

7. Perkembangan sains dan teknologi, makin merapatkan perhubungan di antara satu negara dengan negara lain. Semangat kerjasama dan bantu-membantu hendaklah sentiasa dipertingkatkan serta diikuti dengan program-program yang konkrit dan positif. Belia-belia kita juga wajarlah terus aktif dalam pergerakan belia antarabangsa supaya pendedahan dan perkongsian pengalaman dapat menyumbang ke arah persefahaman antarabangsa.

8. Dalam usaha kita untuk terus memajukan negara, kita hendaklah sentiasa berfikir dan menganggap diri sebagai 'Malaysian'. Kita mestilah lebih mementingkan negara Malaysia secara keseluruhannya daripada mementingkan perasaan kedaerahan atau kenegerian. Dalam hal ini, rancangan-rancangan belia hendaklah mengaitkan aspek pembinaan identiti Malaysia secara menyeluruh supaya perkembangan yang sihat dan murni tidak akan dipengaruhi oleh unsur-unsur negatif. Para belia seterusnya hendaklah memperbaiki strategi dan langkah mereka serta meningkatkan penglibatan mereka dalam usaha untuk mewujudkan sebuah

masyarakat dan negara yang lebih kukuh dan makmur. Untuk ini apa yang lebih penting di kalangan belia ialah menekankan nilai-nilai sejagat atau nilai-nilai bersama seperti hormat-menghormati, cintakan tanahair, inginkan persahabatan dan keamanan. Ini memerlukan penglibatan, keazaman dan pengorbanan yang tinggi daripada semua belia di negara ini.

9. Akhirnya saya berharap usaha-usaha baik yang telah dimulakan dalam Tahun Belia Antarabangsa ini akan berterusan dan dengan harapan ini saya dengan sukacitanya merasmikan Perhimpunan Hari Belia Antarabangsa 1985 ini.
Terima kasih.